

Pasdec jangka kembali untung

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

utusanbiz@twitter.com

■ KUALA LUMPUR 11 DIS.

PASDEC Holdings Bhd., anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) menjangka dapat kembali mencatatkan keuntungan pada 2017, dipacu oleh projek-projek hartanah di negara ini dan operasi pengeluaran di Afrika.

Naib Presiden Kanan Sumber Korporatnya, Goh Song Han berkata, operasi syarikat di Afrika dijangka mencapai pulang modal pada tahun depan dengan perpindahan operasi dari Afrika Selatan ke Botswana.

Katanya, penurunan prestasi syarikat pada tahun ini adalah disebabkan syarikat perlu menyediakan peruntukkan untuk perpindahan sebanyak 20 juta Rand Afrika Selatan (RM5.57 juta).

"Syarikat jangkakan sumbangan daripada segmen pembuatan akan meningkat daripada 30 peratus sekarang dengan adanya kontrak-kontrak baharu seperti daripada Volkswagen sebanyak 1.2 bilion Botswana Pula (RM473 juta) dan lebih satu bilion Botswana Pula (RM394 juta) daripada Nissan.

"Pada masa depan, kami yakin sumbangan daripada segmen pembuatan akan meningkat lagi dan kami cuba untuk seimbangkan sumbangan daripada kedua-dua segmen hartanah dan pembuatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian langganan saham biasa dan perjanjian pemegang saham antara Pasdec Automotive Technologies (Pty) Ltd.



ADNAN YAAKOB (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Kamaruddin Mohammed (kiri) dan Bashl Gaetsaloe di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI

dan Botswana Development Corp. (BDC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Pengerusi Pasdec Automotive Technologies, Datuk Kamaruddin Mohammed; Ketua Pegawai Eksekutif Pasdec Automotive Technologies, Datuk Kevin Pather dan Ketua Pegawai Eksekutif BDC, Bashl Gaetsaloe.

Pasdec Automotive Technologies merupakan anak syarikat Pasdec Holdings di Afrika Selatan melibatkan pembuatan komponen kenderaan.

Pasdec Holdings mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM19.46 juta pada sembilan bulan pertama tahun kewangan berakhir pada 30 September 2015, berband-

ing keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.90 juta pada tempoh yang sama tahun lepas. Perolehan bagi tempoh tersebut susut kepada RM145.86 juta daripada RM151.96 juta sebelumnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, kumpulan berkata, kerugian berkenaan disebabkan oleh kos pemindahan, latihan dan pemberhentian yang berjumlah RM6.84 juta berikutan penempatan semula aktiviti pembuatan dari Afrika Selatan ke Botswana.

Sementara itu, Pather berkata, syarikat membekalkan komponen kenderaan termasuk tempat duduk dan perlindungan wayar elektrik kepada pengeluar kereta seperti Volkswagen, Nissan dan Renault menerusi kilang di Afrika Selatan.